


Kinabalu di puncak cemburu, Negeri di Bawah Bayu

UB 18-3-2018 B4



CATATAN KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN MOHD ARUS

Ketika ini saya bertongkat meniti tapak demi tapak menahan kesakitan di kedua dua ibu kaki saya yang hampir tidak tertahan akan sakitnya. Adakah saya menyesal melalui pengalaman pahit dan getir membuat pendakian saya yang pertama dalam umur yang menghampiri enam puluh tujuh tahun ini. Namun begitu saya berkata di dalam hati saya tidak pernah menyesal kerana baru beberapa jam tadi saya menawan puncaknya dan berdiri megah di gunung tertinggi di Asia Tenggara dan dapat merasai betapa segar dan bersihnya udara negeri di Bawah Bayu yang memberi tenaga serta membersihkan sanubari saya.

Sama ada mendaki mahupun menuruni gunung tersebut penulis tetap berhati-hati kerana di lorong yang di lalu dipenuhi batu granit yang tajam oleh itu setiap pendaki harus berhati-hati melaluinya.

Kami mula berkumpul pada pukul 8 pagi di lobi Kinabalu Park sebagai penganjur pendakian gunung Kinabalu, setelah mendaftar dan mengambil dokumen yang di perlukan maka barulah mengenali malim gunung yang akan memimpin kami mendaki selama dua puluh empat jam seterusnya. Kami diarah naik kenderaan khas dan di bawa ke tempat permulaan pendakian di Timpohon.

Setelah berkenalan dengan kumpulan saya seramai tujuh orang dari Hospital Kulim Unit Bahagian Kecemasan di ketuai oleh seorang wanita yang berpengalaman kerana pernah berjaya mendaki gunung Kinabalu sebelum ini iaitu Pn Mariam, Dr Siva, Dr Prakash, En. Azizi, Cik Khairul Bariah, En. Firdaus, En. Andika serta En. Mohammad. Merekalah sahabat saya selama 24 jam dalam misi pendakian menakluki puncak Kinabalu yang sangat di cemburui oleh saya dan jutaan pendaki yang lain.

Kami dilepaskan menurut kumpulan mungkin kumpulan pertama sudah bergerak sejak pukul 8 pagi lagi dan kami mula pada pukul 10 pagi. Walaupun matahari sudah mulai tinggi dan sudah panas namun di lorong menuju kagunung



BERGAMBAR ramai sebelum pendakian bermula di Timpohon.

terasa begitu dingin mungkin kerana perasaan takut dan berdebar serta kurang yakin boleh mencapai matlamat kami memandangkan gunung yang tegak berdiri menanti kami sejak dari pagi tadi ketika kami memulakan perjalanannya.

Kami melintasi lorong sempit dan berliku di sepanjang perjalanan namun sangat mengujakan kerana pemandangan semula jadi yang sangat indah sepanjang perjalanan walaupun terasa penat dan lelah namun kami di sambut oleh beberapa ekor tupai jinak yang mengagih makanan dari para pendaki umpama meminta tol, sepanjang jalan terdapat serangga yang berbagai-bagai jenis serta ulat bulu yang berwarna warni. Tidak lupa juga merakamkan gambar flora dan fauna yang cantik dan menarik terutamanya tumbuhan jenis Periuk Kera yang sangat banyak tumbuh di sepanjang perjalanan kami.

Kami singgah disetiap pondok untuk melepaskan lelah dan mengambil nafas kerana pendakian sepanjang enam kilometer menuju ke khemah di kaki gunung Laban Rata adalah satu usaha yang sangat memerlukan keazaman dan kesungguhan diri. Sepanjang perjalanan yang sentiasa bertingkat dan memanjat, mendekati lagi ke kaki gunung dan meninggalkan jauh pendaki daripada pintu gerbang terakhir di Kinabalu Park.

Di ketinggian tiga ribu kaki kami di selubungi oleh kabus yang berarak rendah sejuaknya terasa sangat menyegarkan. Sehingga pukul 3.30 petang kami baru melimpasi pertengahan perjalanan menuju Base


Camp terletak di Laban Rata. Dalam keadaan mencungap dan termengah-mengah menghelat nafas panjang sambil bertongkat penulis mendaki meneruskan pendakian melalui tangga yang di bina setelah gegaran besar berlaku pada tahun 2015.

Sambil menyusur di celah batu, tebing dan akar kayu yang menjadi tangga pendaki kami di hiburkan dengan kicauan burung serta laungan ungka dan mergastua penghuni di dalam hutan belantara tersebut. Sambil mendaki penulis berpeluang sesekali mengambil gambar dengan telephone bimbit dan juga kamera akan landskap dan pemandangan yang sangat menarik di paras ketinggian yang jarang di lalui. Matahari yang tadi tegak di atas kepala mula jatuh ke barat, jam pula menunjukkan pukul enam petang dan sayup di atas tanah tinggi di hadapan saya kelihatan siluet bangunan perhentian Laban Rata yang sangat saya impikan kerana di fikiran mula terbayang minuman dan makanan enak kerana perut mula meminta di isi sejak berlepas memulakan perjalanan tadi tidak pernah mendapat makanan kerana penat dan kesuntukan masa untuk sampai di Base Camp ini.

Apabila sampai di Laban Rata Cafe kelihatan ramai pendaki yang berbagai-bagai bangsa mundar-mandir sedang menjamu selera dan sedang berehat setelah berpenat lelah mendaki menyampaikan ke camp tersebut. Setelah selesai makan malam saya terus pergi ke asrama pendaki yang disediakan untuk berehat dan membersihkan badan yang sudah mulai letih dan tak bermaya kerana pendakian fasa pertama sejauh enam kilometer ke perhentian di kaki gunung sudah pun tamat. Saya tidak membuang masa merebahkan diri di katil bertingkat lebih kurang pukul lapan setengah malan, alangkah terkejutnya saya apabila mendapati bantal, katil, selimut dan tilam sesejuk air batu,



PENULIS dan teman pendaki sedang menikmati udara pagi.



PENULIS bersama Malim Gunung Sazmi dan Porter Indrah.

sedangkan di luar angin sedang kuat meniup dengan kuatnya menggoncang dan menggegarkan bangunan asrama ibarat ingin meruntuhkannya. Angin sejuk yang bertiup dengan kencang di luar membuatkan tempat tidur saya menjadi beku, namun badan yang sangat letih sudah tidak memperdulikan lagi keadaan tempat istirahat tersebut.

Tepat pukul dua saya terjaga kerana keriuhan para pendaki bersiap sedia untuk turun ke kantin Laban Rata untuk sarapan sebelum memulakan pendakian fasa kedua, memanjat ke puncak gunung Kinabalu yang menjadi objektif kami ke sini dengan penuh harapan agar berjaya sampai ke puncak Low sempena nama Hugh Low residen British di Perak, orang yang pertama mendaki Gunung Kinabalu tetapi malangnya beliau sendiri tidak sampai ke puncak, hanya pada tahun 1888 seorang pengembara Inggeris John Whitehead yang berjaya berdiri di puncak Gunung Kinabalu dan beliau juga berjaya menggambarkan gunung tersebut melalui lukisan dan ilustrasi di dalam buku bertajuk "The Exploration of Kinabalu" dicetak pada tahun 1894 di United Kingdom. Setelah tamat sarapan pagi lebih kurang pukul 2.30 am kami berkumpul dalam kumpulan diketuai oleh malim gunung yang memberi motivasi dan juga arahan yang perlu di patuh oleh setiap pendaki.

Setelah siap taklimat dari malim gunung kami pun dilepaskan untuk mengikuti lorong hutan yang membawa kami ke beberapa tingkat siri tangga yang mendaki

menuju ka puncak. Setiap pendaki telah diberi amaran bahawa jika tidak sampai di pusat pemeriksaan terakhir di pondok pemeriksaan Sayat Sayat sebelum pukul 5 pagi kami tidak di benarkan naik ke puncak bermaksud ke datang pendaki untuk sampai ke puncak akan sia sia sahaja oleh sebab di puncak pendaki tidak setiap pendaki mesti berada di puncak kawasan Low selewat lewatnya pukul 6 subuh.

Semasa pendakian memanjat anak tangga dikedudukan 75 darjah dan setiap anak tangga akan memerah tenaga dari setiap pendaki, saya sentiasa terdengar dengkuruan pernafasan yang berat dan kuat dari pendaki di belakang saya yang sudah keletihan namun yang anehnya setiap kali angin gunung yang dingin menghembus ke muka seolah olah angin yang kaya dengan kesegaran alam memberikan kami pernafasan yang baru dan juga suntikan tenaga yang baru.

Dalam hembusan angin yang kaya dengan oksigen itu sebenarnya melonjakkan lagi langkah pendaki mendekati mereka ke puncak. Oleh sebab keadaan Gunung Kinabalu itu cerunnya hampir menegak dengan dinding batu yang keras dan kesat itu menahan kami lagaknya menjejakkan kaki ke taman dewa-dewa kaum Dusun yang bersempayan di situ namun dengan bantuan tali-temali yang telah di pasang oleh pihak berkuasa maka setapak demi setapak kami bergerak umpama barisan semut yang sedang

mengangkut gula ke sarang kelihatan garisan bercahaya berarak dalam barisan yang bengkok menuju ke puncak yang menegak.

Setiap langkah yang di ambil sentiasa saya bertanya kepada diri bila lagi kah pendakian yang amat susah ini akan berakhir kerana fizikal saya menjerit, sudah tidak tertahan kerana kepenatan ditambah pula dengan kenipisan udara diketinggian yang sampai 4,000 meter itu sememangnya sangat susah untuk bernafas dan saya dapati pergerakan yang biasanya apabila paras laut menjadi sangat susah dan penat atas gunung, jadi inilah salah satu perubahan fizikal yang dapat saya alami ketika di puncak Low. Tepat pada pukul 5.30 pagi saya berjaya sampai ke kaki puncak Low sambil menikmati garisan cahaya matahari yang sedang bangun di ufuk timur menandakan ada satu panorama yang sangat menarik sebagai hadiah kepada setiap pendaki yang berjaya sampai dan akan dihidangkan dengan pemandangan yang sangat indah dan mengagumkan menjadikan satu pengalaman estetik ciptan alam menurut Baumgrten. Lama-kelamaan cahaya kuning jingga bercampur oren dan merah muncul semakin menerangi langit dan cahaya yang cerah menerangi wajah setiap pendaki pendaki yang berdiri dengan megahnya di kawasan puncak Kinabalu.

Perasaan berbau suka, duka, terharu dan sedih menyelubungi kami di puncak kerana teruja dengan kejayaan diri ke peringkat yang tinggi ini, segala perasaan yang tidak yakin dan kesangsian telah terjawab dengan berdirinya kami di kawasan yang paling tinggi di negeri Sabah ini.

Perasaan kepuasan dan kegembiraan menyambut kedatangan kami di puncak Kinabalu yang selama ini sangat kami cemburui jelas sekali bahawa Negeri di Bawah Bayu sebenarnya adalah kejayaan mencapai puncak yang paling tinggi.

*****PENULIS** merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).***



SARAPAN bersama kawan sebelum mendaki puncak